

**KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA
MALAYSIA**

PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 1 TAHUN 2000

HARI REHAT SABTU

TUJUAN

1. Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan untuk menjelaskan pelaksanaan kemudahan Hari Rehat Sabtu pada minggu pertama dan ketiga setiap bulan bagi perkhidmatan awam.

LATAR BELAKANG

2. Kerajaan telah melaksanakan Hari Rehat Sabtu pada hari Sabtu minggu pertama setiap bulan mulai 1 Januari 1999 dengan hasrat untuk mewujudkan satu masyarakat penyayang serta menggalakkan anggota menziarahi ibu bapa, sanak saudara dan melancong dalam negeri. Memandangkan kesannya yang menggalakkan, Kerajaan telah memutuskan supaya hari Sabtu minggu ketiga juga dijadikan Hari Rehat Sabtu bagi setiap bulan.

PELAKSANAAN

3. Hari Rehat Sabtu adalah ditetapkan pada hari Sabtu minggu pertama dan ketiga setiap bulan.
4. Hari Rehat Sabtu ini berbeza daripada Hari Rehat Mingguan dan Hari Kelepasan Am kerana masa yang digunakan untuk kemudahan tersebut perlu diganti. Waktu Bekerja Pejabat hari Sabtu yang dijadikan Hari Rehat Sabtu akan digantikan pada hari-hari bekerja yang lain, tidak termasuk Hari Rehat Mingguan dan Hari Kelepasan Am.
5. Waktu Bekerja Pejabat baru berikutan dengan pelaksanaan Hari Rehat Sabtu adalah seperti berikut -

5.1 Pejabat di negeri-negeri di mana hari **Ahad** adalah Hari Rehat Mingguan

Hari	Waktu Bekerja (Pagi)	Waktu Rehat	Waktu Bekerja (Petang)
Isnin – Khamis	8.00 - 1.00	1.00 - 2.00	2.00 - 4.30
Jumaat	8.00 - 12.15	12.15 - 2.45	2.45 - 4.30
Sabtu	8.00 - 12.50		

5.2 Pejabat di negeri-negeri di mana hari **Jumaat** adalah Hari Rehat Mingguan

Minggu Pertama dan Ketiga

Hari	Waktu Bekerja (Pagi)	Waktu Rehat	Waktu Bekerja (Petang)
Ahad – Rabu	8.00 - 1.00	1.00 - 2.00	2.00 - 4.15
Khamis	8.00 - 1.00	1.00 - 2.00	2.00 - 4.15

Minggu-minggu Lain

Hari	Waktu Bekerja (Pagi)	Waktu Rehat	Waktu Bekerja (Petang)
Sabtu – Rabu	8.00 - 1.00	1.00 - 2.00	2.00 - 4.15
Khamis	8.00 - 12.25		

5.3 Pejabat di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang mengamalkan

Waktu Bekerja Berperingkat (WBB)

Waktu Peringkat	Hari	Waktu Bekerja (Pagi)	Waktu Rehat	Waktu Bekerja (Petang)
WP 1	Isnin - Khamis	7.30 - 12.15	12.15 - 1.15	1.15 - 4.00
	Jumaat	7.30 - 12.15	12.15 - 2.45	2.45 - 4.00
	Sabtu	7.30 - 12.20		
WP 2	Isnin - Khamis	8.15 - 1.15	1.15 - 2.15	2.15 - 4.45
	Jumaat	8.15 - 12.15	12.15 - 2.45	2.45 - 4.45
	Sabtu	8.25 - 1.15		

6. Sekiranya Hari Kelepasan Am jatuh pada Hari Rehat Sabtu, maka hari Sabtu berikutnya dijadikan Hari Rehat Sabtu.
7. Pengiraan Bayaran Lebih Masa pada Hari Rehat Sabtu hendaklah mengikut kadar gandaan Hari Rehat Mingguan.
8. Hari Rehat Sabtu hanya terpakai bagi anggota yang bekerja mengikut Waktu Bekerja Pejabat.

9. Bagi anggota yang bekerja mengikut Waktu Bekerja Bukan Pejabat yang dalam seminggu mengandungi 6 masa bekerja, iaitu terdiri dari 5 masa bekerja sebanyak 8 jam sekali dan 1 masa bekerja sebanyak 6 jam sekali, Ketua Jabatan bolehlah menimbangkan kemudahan seumpama ini dengan membuat penyesuaian waktu bekerja anggotanya, selaras dengan keperluan perkhidmatan dan Jabatan masing-masing **dengan syarat waktu bekerja diganti sepenuhnya.**

TARIKH KUATKUASA

10. Pekeliling Perkhidmatan ini berkuatkuasa mulai 1 Februari 2000.

PEMAKAIAN

11. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, Pekeliling Perkhidmatan ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Pihak Berkuasa Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

PEMBATALAN

12. Dengan berkuatkuasanya Pekeliling Perkhidmatan ini maka -


12.1 Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 7 Tahun 1998;

12.2 Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 8 Tahun 1998; dan

12.3 Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 1999

adalah **dibatalkan.**

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"



(TAN SRI DATO' SAMSUDIN BIN OSMAN)

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Malaysia.

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
MALAYSIA
KUALA LUMPUR

3 Februari 2000

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri

Semua Pihak Berkuasa Berkanun

Semua Pihak Berkuasa Tempatan